

12 FEB 2003

Mahathir-OIC

TIADA SIAPA YANG AKAN HIRAUKAN KEPUTUSAN OIC, KATA DR MAHATHIR

JITRA, 12 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia sanggup menyediakan kemudahan bagi membolehkan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) mengadakan mesyuarat khas mengenai krisis Iraq walaupun ketika Persidangan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) berlangsung di ibu negara minggu depan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri khuatir apa jua keputusan yang dicapai oleh mesyuarat OIC itu tidak akan dihiraukan oleh sesiapa.

"Ini kerana ada negara OIC sendiri memberi sokongan kepada Amerika Syarikat (untuk menyerang Iraq), katanya menjawab soalan pemberita ketika mengadakan Rumah Terbuka Hari Raya Aidiladha, di Dewan Wawasan, di sini.

Beliau berkata Malaysia mendapati OIC tidak mengambil apa-apa tindakan untuk menghalang negara anggotanya daripada diserang kerana OIC sedar ianya lemah dan apa juga berpendapat OIC tidak dihiraukan oleh Amerika Syarikat.

Sebaliknya, Perancis, Jerman dan Belgium berpendirian tegas menentang rancangan serangan itu kerana ketiga-tiga negara itu kuat.

"Sebab itu amat penting bagi orang Islam kalau nak selamatkan orang Islam mereka mesti kuatkan negara mereka," katanya.

Sebaliknya, kata beliau, apa yang berlaku sekarang ialah negara-negara Islam lemah dan sebab itu mereka tidak ada pengaruh dalam menentukan nasib umat Islam sendiri.

Dr Mahathir berkata setakat ini Malaysia belum menerima cadangan untuk mengadakan mesyuarat khas OIC itu di Kuala Lumpur minggu depan.

Persidangan NAM ke 13 akan diadakan di Kuala Lumpur dari 20 hingga 25 Feb. Sidang Kemuncak OIC akan diadakan di Kuala Lumpur pada Oktober pula.

Menjawab soalan mengenai cadangan sesetengah umat Islam hendak pergi menyertai peperangan di Iraq kononnya atas alasan berjihad, Dr Mahathir berkata: "Itu cadangan bodoh. Kita nak berjihad kalau kita boleh berjaya. Kalau kita pergi nak mati sahaja, itu bukan jihad.

"Kalau nak pergi berperang, kita mesti ada strategi dan kekuatan. Kalau pergi begitu sahaja saya tidak nampak apa-apa faedah selain daripada melepaskan geram sahaja," katanya.

-- BERNAMA

JM PR